

Headline	Keselamatan bangunan lebih 30 tahun dipantau		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	1,2	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	977 cm ²
Journalist	Luqman Arif Abdul Karim	AdValue	RM 32,351
Frequency	Daily	PR Value	RM 97,053



FLET CONDONG, RETAK

PANTAU RUMAH LEBIH 30 TAHUN

■ Kerajaan akan beri keutamaan melaksanakan pembangunan semula bangunan berusia 30 tahun ke atas, khususnya rumah kos rendah yang terletak di kawasan bukit dan tanah tinggi

■ Pakar bangunan mahu kerajaan kuat kuasa Seksyen 85A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang mewajibkan pemeriksaan bangunan bertingkat dilakukan setiap 10 tahun
→ Ms.2, 3

FLET CONDONG, RETAK

Keselamatan bangunan lebih 30 tahun dipantau

➔ Tumpu laksana pembangunan semula selaras DPN 2018-2025

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur

Bangunan berusia 30 tahun ke atas di negara ini, terutama perumahan kos rendah di kawasan bukit dan tanah tinggi akan dipantau tahap keselamatannya untuk diperbaiki bagi kerja baik pulih atau dibangunkan semula.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata kerajaan akan memberi tumpuan untuk melaksanakan pembangunan semula bangunan dalam usia berkenaan

selaras Dasar Perumahan Negara (DPN) 2018-2025 yang diumumkan kementerian pada 28 Januari lalu.

“Dalam DPN, memang ada program pembangunan semula. Jadi bangunan yang berumur 30 tahun ke atas, kita akan berikan tumpuan untuk dibangunkan semula, terutama rumah kos rendah yang terletak di kawasan bukit dan tanah tinggi,” katanya pada sidang media selepas meninjau keadaan flet ‘condong’ di Taman Keramat Permai, di sini, semalam.

Pembangunan semula

Kenyataan Zuraida itu susulan pengumumannya kelmarin mengenai langkah kementerian yang akan berbincang dengan semua kerajaan negeri dalam usaha membaik pulih atau membina semula flet dibangunkan lebih 30 tahun lalu.

“Kita akan berbincang dengan kerajaan negeri dalam membaik pulih atau membina semula rumah flet yang lama ini,” katanya.

Yang turut hadir pada lawatan di Taman Keramat Permai, Menteri

Hal Ehwal Ekonomi merangkap Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar Selangor, Haniza Mohamed Talha serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, Saari Sungib.

Bancian penduduk

Mengulas kejadian keretakan dinding bangunan Blok F di Taman Keramat Permai yang dikesan pada Jumaat lalu dan menyebabkan seramai 222 penduduk terpaksa dipindahkan atas faktor keselamatan, Zuraida berkata, bangunan kediaman dibangunkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) itu hanya berusia 28 tahun.

“Selepas kita teliti dan mendapat maklum balas, flet yang merangkumi 12 blok ini hanya berusia 28 tahun,” katanya sambil menambah, bancian penduduk akan dibuat di semua blok berkenaan bagi mengenal pasti setiap pemilik atau penyewa unit untuk tujuan pembangunan semula itu.



Zuraida dan Mohamed Azmin melihat keretakan dinding Blok F di Flet Taman Keramat Permai, Kuala Lumpur, semalam.

Headline	Penduduk puas hati tindakan segera kerajaan Selangor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	3	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	140 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,654
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,961



Penduduk puas hati tindakan segera kerajaan Selangor

Kuala Lumpur: Penduduk Blok F, Flat Taman Keramat Permai berpuas hati dengan tindakan segera kerajaan Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dalam mengendalikan kes keretakan bangunan kediaman mereka.

Seorang daripada mereka, Mohamad Saidin, 65, berkata tindakan segera itu termasuk membuat pemeriksaan menyeluruh bersama kajian pergerakan tanah demi menjamin keselamatan semua penduduk blok berkenaan.

“Kami turut sambut baik saranan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Azmin Ali yang memutuskan segala kos baik pulih flet ini ditanggung sepenuhnya oleh PKNS,” katanya sambil berharap, pemeriksaan turut dilakukan pada 11 lagi blok kediaman di kawasan berkenaan.

Seorang lagi penduduk, Ahmad Zulkarnain Ahmad, 38, berharap keputusan, sama ada mereka boleh kembali ke rumah dapat dibuat sebelum Ramadan dijangka bermula 6 Mei ini.

Akur arahan

“Sepatutnya keputusan itu dikeluarkan hari ini (semalam), namun kami akur kerana kajian dan pemeriksaan struktur tanah mungkin ambil masa agak lama daripada jangkaan asal. Kami faham, semua proses ini demi keselamatan penduduk pada masa depan,” katanya yang mendiami flet berkenaan sejak awal tahun 2000.

Beliau juga berterima kasih kepada Azmin, bekas Menteri Besar Selangor yang mengumumkan bantuan kewangan RM500 kepada setiap penduduk terjejas, sama ada pemilik atau penyewa kerana ia dapat meringankan beban mereka yang terpaksa mengambil cuti apabila dipindahkan ke Dewan Serbaguna Taman Keramat.

Ahmad Zainuddin, 55, yang tinggal di flet berkenaan sejak 28 tahun lalu, berkata jika benar kediamannya perlu diperbaiki untuk mengelak keretakan bertambah, kerja pembaikan diharap dapat dilakukan dengan segera.

Headline	Keluarga terjejas dapat RM500		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	30 Apr 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	3	ArticleSize	435 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 14,459
Journalist	Luqman Arif Abdul Karim	PR Value	RM 43,378
Frequency	Daily		



BANGUNAN RETAK

Keluarga terjejas dapat RM500

→ Bantuan disalur menerusi peruntukan Ahli Parlimen Gombak: Azmin

Oleh Luqman Arif Abdul Karim dan Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Setiap keluarga yang terjejas akibat keretakan dinding bangunan kediaman Blok F, Flet Taman Keramat Permai yang dikesan pada Jumaat lalu, akan diberikan bantuan RM500.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata bantuan berkenaan disalurkan menerusi peruntukannya sebagai Ahli Parlimen Gombak.

Bekas Menteri Besar Selangor itu menjangkakan 222 penghuni daripada 37 keluarga yang terpaksa dipindahkan dari flet terbabit, boleh kembali ke kediaman masing-masing selewatnya-lewatnya pada 1 Ramadan yang dijadualkan Isnin depan.

Laporan lengkap dijangka Rabu

Mengenai status bangunan berkenaan, beliau berkata, laporan lengkap dijangka diperoleh Rabu ini dengan hasil siasatan akan diteliti terlebih dahulu sebelum keputusan sama ada blok kediamaan itu selamat diduduki atau sebaliknya, dibuat pihak berkaitan.



Mohamed Azmin bersama ADUN Hulu Kelang, Saari Sungib (kanan) menziarahi penduduk Blok F Flet Taman Keramat Permai yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Serbaguna Taman Keramat, semalam.

“Saya mahu keselamatan penduduk diutamakan walaupun Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) mendapati tiada pergerakan tanah atau bangunan sepanjang tiga hari pemerlauan dan kajian. Jika pasukan teknikal sahkan bangunan selamat, kita jangka sebelum Ramadhan, penduduk boleh pulang ke rumah pada Sabtu atau Ahad ini.

“Jika siasatan mendapati sebaliknya, susulan pandangan IKRAM dan perunding, proses pembaikkan dengan kos ditanggung Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dilaksanakan. Sudah tentu, sepanjang proses itu, kita tidak mahu penduduk berada dalam unit terbabit untuk sementara,” katanya.

Bercakap pada sidang media

selepas melakukan tinjauan di lokasi berkenaan semalam, beliau berkata, beberapa kemudahan bakal ditambah termasuk pendingin hawa bagi keselamatan penduduk yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) AU2.

Teliti punca rekahan

“Saya ada mendapat sedikit rungutan berhubung keselamatan mereka, khususnya yang ada anak kecil. Selain itu, sajian makanan berkhasiat dan secukupnya akan diberikan. Kita juga akan menempatkan petugas kesihatan, khususnya bagi mengendalikan pemeriksaan berkaitan terhadap warga emas,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan ZNA, Dr Zulhkiple A Bakar, yang mengetuai proses siasatan dan pemantauan keadaan keselamatan bangunan terbabit, berkata tiada perubahan ketara terhadap struktur bangunan yang berubah hanya berkadar kurang 1 milimeter bersama rekahan pada tingkat atas bangunan.

“Simulasi komputer dengan memantau pergerakan tanah, aliran air sistem pembetungan dan lohong di permukaan bawah tanah dijangka siap satu atau dua hari lagi. Kami sedang teliti sama ada rekahan di tingkat atas bangunan, berpunca daripada tangki air di bahagian bumbung, selain mengenal pasti retakan di bahagian tangga sebelah kiri blok,” katanya.

Headline	Tak cukup penguat kuasa pantau pasar borong		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	6	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	428 cm ²
Journalist	Hanneeyzah Bariah Baharin	AdValue	RM 14,172
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,516



DOMINASI PENIAGA WARGA ASING DI PASAR BORONG DAN HARIAN

Tak cukup penguat kuasa pantau pasar borong

→ KPDNHEP laksana pemantauan, serbuan secara berkala kekang masalah

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin
hanneeyzah@bh.com.my

■ Kuala Nerus

Kekangan pegawai dan anggota menyebabkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak berupaya menempatkan penguat kuasa sepanjang masa untuk memantau pasar borong dan pasar harian daripada didominasi peniaga warga asing.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kerajaan hanya mampu melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan berjedual bagi mengekang masalah itu daripada terus berleluasa.

2,294 pegawai penguat kuasa
Beliau berkata, kementeriannya hanya mempunyai 2,294 pegawai penguat kuasa dan adalah mustahil untuk menempatkan mereka memantau pa-



[FOTO GHAZALI KORI/BH]

Saifuddin Nasution (dua dari kiri) menyampaikan paket makanan kepada mahasiswa pada Pelancaran 'Food Bank' Siswa di UniSZA, Kuala Nerus, semalam.

sar borong dan pasar harian selama 24 jam.

"Betul, kita akui warga asing ini kembali bermula walaupun selepas serbuan dan tangkapan terhadap mereka. Sebab itu kita lakukan tindakan berterusan dan bukan bermusim.

"Apabila kita serbu dan ambil tindakan, adakah ia akan terus tamat? Rampasan dan tangkapan dibuat, tetapi mereka (peniaga warga asing) masih ada lagi mendominasi pasar borong dan basah.

"Bolehkah kita letak terus 24 jam untuk pegawai penguat kuasa KPDNHEP juga satu pasar borong, pada masa sama sempadan negara bolos dengan isu penyeludupan barang pengguna dan masalah lambakan barang tiruan yang perlu diambil tindakan.

"Jadi saya fikir, tindakan secara berjedual adalah pendekatan yang lebih praktikal dan realistik," katanya selepas merasmikan penutupan Majlis Perdana Gerakan Pengguna Siswa (MPGPS) 2019 dan pelancaran Food Bank Siswa UniSZA di sini, semalam.

Jawatankuasa khas sudah mulakan tindakan

Beliau berkata, jawatankuasa khas membabitkan empat kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Wilayah Persekutuan dan KPDNHEP untuk mengatasi isu itu sudah memulakan beberapa tindakan untuk mengatasi isu berkenaan.

"Jawatankuasa khas ini sudah mengadakan beberapa me-

syuarat dan memulakan tindakan yang lebih praktikal untuk banteras masalah ini dengan melakukan serbuan secara berjedual membabitkan penguat kuasa DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur), PBT (pihak berkuasa tempatan), polis dan Jabatan Imigresen.

"Malah kita juga mengalau-alukan laporan media sebagai maklum balas berhubung kehadiran peniaga warga asing ini," katanya.

Sebelum ini BH melaporkan mengenai dominasi peniaga warga asing di pasar borong dan harian antaranya di Pasar Borong Selayang, Selangor.

Susulan itu kerajaan menujuhkan jawatankuasa khas menangani masalah berkenaan dan serbuan dilakukan di Pasar Borong Selayang, baru-baru ini.

Headline	Ribut landa Hulu Langat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	17	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	370 cm ²
Journalist	Nor Azizah Mokhtar	AdValue	RM 12,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,756



Ribut landa Hulu Langat

→ Pokok tumbang hampap bumbung rumah penduduk

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bharian.com.my

► Hulu Langat

Kejadian pokok tumbang dilaporkan berlaku di beberapa lokasi sekitar daerah ini susulan angin kencang dan hujan lebat, semalam.

Inisid bermula sekitar jam 4.30 petang itu turut menyebabkan bumbung sebuah rumah mengalami kerosakan akibat dihempap pokok tumbang.

Pegawai Pertahanan Awam Dae-

rahan yang menghempap bumbung sebuah rumah di Batu 15, Jalan Ke-nanga, Bukit Kundang di sini, jam 4.45 petang.

Benikutan itu, lima anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) bergergas ke lokasi untuk memotong pokok berkenaan.

Penghuni tidak cedera

"Kediaman itu hanya mengalami kerrosakan kecil di sebahagian bumbung dan penghuninya tidak mengalami sebarang kecederaan," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, pihaknya juga menerima makluman kes pokok tumbang dan menghempap sebuah PERODUA Kancil di berham-



Orang ramai mengalihkan pokok yang tumbang berhampiran rumah penduduk dalam kejadian ribut di beberapa tempat di Hulu Langat, petang semalam.

piran berhampiran Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua.

"Namun, tiada kerosakan serius atau sebarang kecederaan dilapor-kan," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bom-ba dan Penyelamat Bandar Tun Hussein Onn, Penolong Penguasa Bomba Mohammad Akmal Moha-

mad Khairi, berkata satu jentera

bersama tujuh anggota dan pe-gawai dikejarkan ke Dusun Tua untuk kerja pembersihan sebaik menerima laporan kejadian pada jam 5.03 petang.

"Pokok tumbang itu mengha-lang laluan di lokasi dan kerja pembersihan dibantu anggota Pa-sukan Bomba Sukarela Daerah Hu-

lu Langat," katanya.

Sementara itu, satu video me-nunjukkan kejadian angin kencang yang menerbangkan sebahagian bumbung bangunan didakwa ber-laku di IKBN Dusun Tua turut tersebar di media sosial.

Bagaimanapun, belum ada pe-ngesahan daripada pihak berkuasa berhubung kejadian itu.

Headline	MPK beri amaran ambil tindakan tegas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	63	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	Faliq Lajim	AdValue	RM 12,199
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,597



MPK beri amaran ambil tindakan tegas

➔ Peniaga bazar Ramadan diingatkan amal sikap integriti

Oleh Faliq Lajim
bhnews@bh.com.my

► Klang

Peniaga Bazar Ramadan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK) diberi amaran supaya sentiasa mengamalkan sikap integriti atau berdepan dengan tindakan tegas oleh pihak berkewasa tempatan (PBT) itu.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin, berkata ia berikutan pelbagai isu kerap dibangkitkan antaranya berniaga tanpa lesen, memberi sewa kepada warga asing, vandalisme, isu kebersihan dan tidak menitikberatkan soal keselamatan.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan tergagak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan.

"Kami meminta peniaga mematuhi undang-undang dan syarat perlesenan dengan menjadi peniaga yang berdisiplin, beretika dan berintegriti."

26 permohonan ditolak

"Tahun ini, kami menolak sebanyak 26 permohonan peniaga kerana gagal mematuhi peraturan dan melakukan pelbagai kesalahan pada Bazar Ramadan Jalan

Taiping, tahun lalu.

"Selain permohonan ditolak, kami mengambil tindakan dengan menyenaraihitamkan mereka selama dua tahun," katanya selepas program taklimat Bazar Ramadan Jalan Taiping 2019 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha MPK Adi Faizal Ahmad Tarmizi dan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tuan Ruslan Tuan Mat.

Pada majlis itu, 550 petak niaga bazar diserahkan kepada peniaga yang diluluskan permohonan mereka seluruh turut mengangkat ikrar integriti bersama SPM.

Mohamad Yasid berkata, pihaknya percaya tindakan seumpama itu turut mendidik peniaga supaya lebih berdisiplin.

Beliau turut menasihatkan peniaga sentiasa menjaga kualiti barang dan makanan yang dijual.

"Bazar Jalan Taiping amat dikenali masyarakat dan kita meminta peniaga menjaga kebersihan dan menyusun rapi barang jualan mereka," katanya.

Fakta nomor

550 PETAK

niaga bazar diserahkan kepada peniaga lulus permohonan



[FOTO FAIZ ANUAR/BH]

Mohamad Yasid (tengah) menyerahkan lesen perniagaan kepada peniaga pada program taklimat Bazar Ramadan Jalan Taiping 2019 di Klang, semalam.

Headline	Usah salah guna tanah pertanian		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	64	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	390 cm ²
Journalist	Ruwaida Md Zain	AdValue	RM 12,964
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,891



Chang Khim (kanan) bersama penduduk mengecat pasu bunga pada Program Pengindahan Padang Rekreasi Kawasan Bandar Baru Klang di Taman Eng Ann, Klang.

Usah salah guna tanah pertanian

➔ Boleh dirampas jika dijadikan kilang haram

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

■ Klang

Kerajaan negeri boleh merampas tanah pertanian yang disalah guna sebagai tapak kilang plastik haram di negeri ini.

EXCO Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata tanah berstatus pertanian tidak boleh digunakan untuk kegiatan selain daripada itu kerana melanggar syarat.

"Kerajaan negeri boleh membantu (Kerajaan Persekutuan) dengan merampas tanah kerana banyak kilang haram ini berada di kawasan tanah pertanian, jadi kita boleh merampasnya kerana kegunaannya salah."

"Kalau mereka beroperasi di tanah industri, bangunan itu memang diluluskan tetapi aktiviti mereka melanggar syarat yang ditetapkan, maka PBT boleh mengambil tindakan," kata dia.

Beliau berkata kuasa kerajaan negeri agak terhad berbanding Kerajaan Persekutuan dalam menangani isu sisa plastik tercemar ser-

ta semua perkara yang berkait dengannya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan negeri akan tetap membantu Kerajaan Persekutuan dengan melaksanakan tindakan sewajarnya.

"Kerajaan negeri mempunyai kuasa yang terhad dalam isu kilang plastik ini, cuma apa yang boleh dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) adalah menutup, mengambil tindakan terhadap kilang haram yang tidak berlesen."

Patuh syarat

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita berhubung isu terbatib selepas menghadiri Program Pengindahan Padang Rekreasi Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Baru Klang di Padang Permainan Jalan Serindit 10, Taman Eng Ann di sini.

Chang Khim berkata, nasihat jabatan teknikal seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan dilihat dan dipertimbangkan dalam memberi kelulusan lesen operasi.

"Kita memberi kelulusan kepada mereka yang mematuhi syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal ini sahaja."

"Bagi kilang haram tiada permit, kita akan tutup."

Tiada berkompromi dalam perkara ini.

"Jangan salahkan kerajaan negeri dan jangan suruh kerajaan negeri menyediakan lokasi untuk menempatkan kilang haram kerana kilang haram, memang haramlah, tidak boleh dihalalkan," katanya.

Bagaimanapun Chang Khim berkata, Kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim perlu lebih berperanan dalam menangani isu terbatib selain Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kerana Permit Import (AP) dikeluarkan oleh KPKT.

"Kalau KPKT mengeluarkan lesen atau permit dengan memastikan permit itu tidak disalahgunakan, sudah tentu kerajaan negeri dan KPKT tidak dipersalahkan."

"Jadi saya menyeru KPKT ambillah tindakan, pastikan yang memohon permit itu menjalankan operasi mereka mengikut syarat-syarat dalam AP itu sendiri."

"Saya harap KPKT pastikan permit dikeluarkan tidak disalahgunakan. Jika permit disalahgunakan, rampas permit itu," katanya.

Headline	Balik sebelum puasa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	20	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	524 cm ²
Journalist	Hidayatul Akmal Ahmad	AdValue	RM 20,642
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,927



Balik sebelum puasa

■ Laporan lengkap keretakan flat Taman Keramat Permai muktamad Khamis ini



AZMIN meninjau keretakan di Pangaspuri Taman Keramat Permai, semalam.

Hidayatul Akmal Ahmad
hidayatulakmal@NSTP.COM.MY

Ampang

Laporan lengkap mengenai keretakan bangunan Blok F, Flat Taman Keramat Permai, di sini, dijangka dimuktamadkan, Khamis ini.

Ahli Parlimen Gombak Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, semua rumusan hasil siasatan itu diteliti pihak berkaitan sebelum keputusan sama ada bangunan berkenaan selamat diduduki atau sebaliknya.

Katanya, 37 keluarga yang mendiami flat itu dijangka boleh kembali menduduki kediaman masing-masing selewatnya-lewatnya sebelum 1 Ramadan.

"Saya mahu keselamatan penduduk diberikan keutamaan walaupun Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) mendapat tiada pergerakan tanah atau bangunan sepanjang tiga hari pemantauan dan kajian.

"Kami jangka sebelum Ramadan penduduk boleh kembali ke kediaman masing-masing, iaitu sama ada Sabtu atau Ahad ini (4 dan 5 Mei) jika pasukan teknikal mengesahkan bangunan berkenaan selamat.

"Jika siasatan mendapat sebaliknya (tidak selamat diduduki) susulan pandangan IKRAM dan perundingan, proses pembaikan dengan kosnya ditanggung

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dilaksanakan.

"Sudah tentu sepanjang proses pembaikan, kami tidak mahu penduduk berada dalam unit terbabit untuk sementara waktu," katanya selepas melakukan tinjauan, semalam.

Hadir sama Menteri Perumanahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Mohamed Talha dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, Saari Sungib.

Mohamed Azmin yang juga Menteri Hal Ehwal Ekonomi berkata, melalui peruntukan Ahli Parlimen sejumlah RM500 disalurkan kepada keluarga terjejas.

Katanya, selain itu beberapa kemudahan ditambah untuk keselesaan penduduk di pusat pemindahan Dewan Serbaguna MPAJ AU2 sehingga mereka selesai siasatan di Blok F, katanya yang sudah 10 tahun menetap di situ.

"Kami lengkapkan dengan kemudahan pendingin hawa kerana saya mendengar keluhan berhubung keselesaan mereka, khususnya yang ada anak kecil.

"Sajian makanan berkhasiat dan secukupnya diberi selain menempatkan petugas jabatan kesihatan, khususnya bagi mengendalikan pemerkasaan berkaitan terhadap warga emas," katanya.

Sementara itu, penduduk Mohammad Saidin, 67, berkata, sebelum ini pernah berlaku rekah kecil namun ia tidak serius.


"Saya tinggal di tingkat satu. Kini, saya menumpang sementara di Dewan Serbaguna MPAJ AU2 sehingga mereka selesai siasatan di Blok F," katanya yang sudah

10 tahun menetap di situ.

Bagi Amran Zainudin, 55, dia berharap Mohamed Azmin menuaikan janji seperi dikatakannya secepat mungkin.

"Saya berterima kasih terhadap pihak bertanggungjawab dan prihatin nasib penduduk di sini," katanya.

Jumaat lalu, 222 penghuni bangunan empat tingkat Blok F flat itu diarahkan berpindah susulan keretakan pada dinding kediaman selepas hujan lebat.



KEADAAN Pangaspuri Taman Keramat Permai yang dikosongkan akibat keretakan.

Headline	Helah guna nama syarikat lain tak menjadi		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	30 Apr 2019	Circulation	112,705
Section	Setempat	Readership	338,115
Page No	26	ArticleSize	138 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 5,436
Journalist	N/A	PR Value	RM 16,309
Frequency	Daily		



Klang

Helah guna nama syarikat lain tak menjadi

Kedegilan dua pemilik premis yang masih menjual barang tiruan di sebuah pusat beli-belah sekitar daerah ini mengundang padah apabila diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Difahamkan, satu daripada premis yang beroperasi sejak tiga tahun lalu itu pernah dikenakan tindakan atas kesalahan sama namun menggunakan nama syarikat lain awal bulan lalu.

Manakala, sebuah lagi premis didapati masih menjual barang tiruan namun membabitkan jenama lain.

Bagaimanapun, perkara



TIGA anggota penguat kuasa merampas beg tangan dan dompet berjenama disyaki tiruan.

itu berjaya dihidiu sepasukan pegawai dan anggota (KPDNHEP) Selangor yang bertindak menyerbu kedua-dua premis berkenaan, kira-kira jam 12 tengah hari, semalam.

Pengarah KPDNHEP negeri, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan itu membawa kepada rampasan ratusan beg tangan dan dompet berjenama mewah disyaki tiruan bernilai RM17,169.

Headline	Tak serik jual beg, dompet tiruan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	6	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	212 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,502
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,506



Tak serik jual beg, dompet tiruan

KLANG – Dua buah premis di Bandar Botanik di sini seolah-olah mencabut pihak berkuasa apabila tidak serik menjual barang tiruan meskipun telah diserbu pada awal bulan lalu.

Terbaru, pihak berkuasa merampas 150 beg dan dompet tiruan dalam serbuan yang dilakukan pada pukul 12 tengah hari oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor.

Pengaruhnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, rampasan tersebut adalah hasil risikan dan maklumat

terhadap kegiatan penjualan barang jenama tersebut oleh wakil sahnya.

Katanya, jarak antara kedua-dua premis yang menjual barang tiruan itu kira-kira 50 meter.

Berdasarkan siasatan awal mendapati harga yang ditawarkan bagi produk beg dan dompet itu adalah serendah RM30 hingga RM150 berbanding harga asal sekitar RM1,500.

“Barang yang dirampas ialah 122 beg tangan dan dompet (28) jenama Chanel bernilai RM17,169,” katanya ketika di-

hubungi *Kosmo!* di sini semalam. Beliau menambah, hasil siasatan turut mendapati kedua-dua premis itu telah beroperasi sejak tiga tahun lalu dengan menjual barang tiruan jenis Long Champ.

Ujar Muhamad Zikril, hasil pemeriksaan turut mendapati salah sebuah premis yang diserbu telah menukar nama syarikatnya.

“Kita telah merakam keterangan pekerja kedua-dua premis itu berusia 24 dan 52 tahun dan kes disiasat mengikut Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011,” jelasnya.



ANGGOTA dan pegawai KPDNHEP Selangor merampas beg tangan dan dompet tiruan jenama Chanel di Bandar Botanik, Klang semalam.

Headline	PBT diarah periksa flat 30 tahun		
MediaTitle	Kosmo		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	14	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	488 cm ²
Journalist	NOOR SYAHIDATOOL AQMA MOHD. NOOR	AdValue	RM 12,713
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,139



Laporan siasatan keretakan Blok F siap Khamis ini, pemilik dapat RM500

PBT diarah periksa flat 30 tahun

Oleh NOOR SYAHIDATOOL AQMA MOHD. NOOR

KUALA LUMPUR – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengarahkan pihak berwusa tempatan (PBT) memantau flat yang berusia lebih 30 tahun di seluruh negara.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, pemeriksaan itu penting bagi memastikan tiada sebarang insiden keretakan berlaku sekali gus menjamin keselamatan penduduk.

"Dalam Dasar Perumahan Negara, terdapat polisi untuk membangunkan semula rumah flat yang berusia lebih 30 tahun ke atas termasuk rumah-rumah kos rendah yang terletak di tanah-tanah tinggi dan tanah lembap," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menginjau keadaan Blok F Flat AUI, Taman Keramat Permai di sini semalam.

Turut hadir Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (gambar kecil).

Zuraida memberitahu,



ZURAIDA (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada penduduk berhubung keretakan pada Blok F, Flat AUI, Taman Keramat Permai, Kuala Lumpur semalam.

satu bincian penduduk akan dibuat di semua 12 blok flat

Taman Keramat Permai bagi mengenal pasti setiap pemilik atau penyewa unit untuk tujuan pembangunan semula.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, laporan siasatan mengenai keretakan pada Blok F Flat AUI dan keadaan tanah di sekitarnya dijangka siap pada 2 Mei dan dibentangkan kepada kerajaan

negeri Selangor.

Menurutnya, siasatan lanjut masih dijalankan Institut Kerja Raya Malaysia dan perunding profesional yang dilantik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), ZNA Asia Sdn. Bhd.

"Ikram telah menjalankan ujian struktur, geoteknik dan geologi terhadap struktur bangunan flat tersebut bagi menguji kemampuan tanah dan kestabilan bangunan,"ujarnya.

Mengulas lanjut beliau berkata, sekiranya hasil siasatan mendapat selamat untuk didiami, penghuni dijangka dibenarkan kembali ke unit masing-masing sebelum 1 Ramadan namun pemantauan akan dilakukan dari semasa ke semasa.

satan mendapat bangunan itu selamat untuk didiami, penghuni dijangka dibenarkan kembali ke unit masing-masing sebelum 1 Ramadan namun pemantauan akan dilakukan dari semasa ke semasa.

Jelasnya, sebarang tindakan membali pulih struktur bangunan akan dibuat berdasarkan kepada laporan berkenaan dan ia ditanggung PKNS.

"Jika bangunan itu didatuk tidak selamat diduduki, kami akan bincang lebih lanjut dengan kerajaan negeri," ujarnya.

Dalam pada itu, Mohamed Azmin memberitahu, ujian yang dijalankan selama tiga hari mendapat tiada sebarang pergerakan ketara yang berlaku setakat ini.

Pada sesi tinjauan itu, Mohamed Azmin yang juga Ahli Parlimen Gombak berkata, bantuan RM500 akan disalurkan kepada pemilik rumah yang terjejas akibat keretakan di bangunan lima tingkat berkenaan.

Apa kata penduduk



KERATAN Kosmo semalam.

Bantuan RM500 dapat membantu meringankan beban kami menjelang bulan Ramadhan minggu depan.

ARIPIN EMBONG
Pemandu



Pemberian bantuan kewangan itu menunjukkan pihak berwajib prihatin dan peka terhadap masalah yang dialami penghuni flat.

NORIAH JUMADI
Suri rumah



Syukur kerana ia dapat membantu kurangkan beban yang ditanggung terutamanya dalam perbelanjaan sehari-hari termasuk sekolah.

ARYATI ZYAINAL
Suri rumah



Headline	MBSA rai 122 kakitangan cemerlang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	44	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	262 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,825
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,476



AMIRUDIN (barisan depan, tengah) dan Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd. Rashidi Ruslan (barisan depan, sepuluh dari kiri) bergambar bersama tetamu khas dan kakitangan MBSA yang menerima anugerah pada Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) baru-baru ini.

MBSA rai 122 kakitangan cemerlang

PENGIFTIRAFAN. Seramai 122 kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) daripada pelbagai gred dan jawatan diliktiraf untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 baru-baru ini.

Majlis penyampaian anugerah itu disempurnakan oleh Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, kesemua kakitangan yang menerima pengiktirafan dinilai dari segi kebertanggungjawaban, integriti, kepuatan terhadap peraturan kerja, prestasi memberangsangkan, kemampuan untuk menyelesaikan tugas dengan baik serta usaha dan komitmen dalam menjalankan tugasan.

"Penerima memperolehi insentif berupa hadiah prestasi berjumlah RM1,000 setiap seorang. Sijil Perkhidmatan Cemerlang, Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM400 serta mendapat peluang dan keutamaan dalam memajukan kerjaya," katanya.

Headline	Polis akan panggil Lokman Adam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	2	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	165 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,498
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,494



Polis akan panggil Lokman Adam

KUALA LUMPUR

- Polis akan memanggil Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Lokman Noor Adam susulan laporan yang diterima berhubung dakwaan pengajuran program Santai Teh Tarik Bersama 4 Putra Mahkota.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Muhammad Fuzi Harun berkata, siasatan sedang dijalankan dan pihaknya sedang mengkoordinasi siasatan tersebut yang dibuat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia (AKMM).

“Apabila siasatan ini dibuka, sudah tentu kita akan panggil dia (Lokman),” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields di sini, semalam.

Kelmarin, Lokman berkongsi di laman sosial miliknya poster program tersebut yang akan diadakan di Melaka.

Poster itu memaparkan gambar tiga putera raja iaitu Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim; Raja Muda Selangor, Tengku



Poster program Santai Teh Tarik Bersama 4 Putra Mahkota yang tersebar, kelmarin.

Amir Shah Sultan Sharafuddin; Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Al-Sultan Abdullah dan gambaran seorang lagi putera raja yang dirahsiakan identitinya.

Lokman bagaimanapun menafikan program itu dianjurkan beliau sebaliknya didakwa dirancang oleh salah seorang daripada anak raja terbabit.

Selain itu, Pejabat Raja Muda Selangor turut menafikan pembabitan Tengku Amir Shah dalam program tersebut.

Malah, Tengku Hassanal turut menafikan perkara itu.

Headline	Belum sampai tahap bencana		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	5	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	379 cm ²
Journalist	ASYRAF MUHAMMAD	AdValue	RM 8,035
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,104



Belum sampai tahap bencana

Nadma klasifikasikan kejadian sebagai satu insiden

ASYRAF MUHAMMAD



MOHTAR

Agenси Pengurusan Bencana Negara (Nadma) mengklasifikasikan kejadian keretakan teruk di Blok F Pangaspuri Taman Keramat Permai sebagai satu insiden dan bukan satu bencana.

Ketua Pengaruhnya, Datuk Mohtar Mohd Abd Rahman berkata, buat masa ini, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia sedang giat melaksanakan pemantauan di lokasi kejadian bagi mengelakkan sebarang insiden

tidak diingini berlaku. Beliau berkata, Nadma bersama pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (Smart) turut berada di lokasi kejadian bagi menantikan perkembangan terkini berhubung insiden itu.

“Pihak terlibat sedang cuba mengelakkan insiden ini menjadi satu bencana dan siasatan sedang dilancarkan oleh JKR.

“Nadma hanya akan terlibat sekiranya berlaku sebarang bencana di sana,” katanya pada program ber-



Keadaan Pangaspuri Taman Keramat Permai, Ampang yang dikosongkan penghuniannya akibat keretakan teruk.

sama media yang berlangsung di Markas Smart, di sini semalam.

Sebelum ini, seramai 37 keluarga telah diarahkan berpindah susulan kejadian keretakan di Blok F Pangaspuri Taman Keramat Per-

mai.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, pihak Unit Bencana Selangor telah menerima aduan kira-kira jam 12.42 tengah hari memaklumkan insiden keretakan di ban-

gunan blok berkenaan.

Mengulas mengenai peranan Smart, Mohtar berkata, pasukan itu akan bergerak bagi membantu agensi-agensi kerajaan lain seperti Polis Diraja Malaysia, Bomba dan Angkatan

Keretakan serius pada struktur pangaspuri.

Tentera Malaysia apabila berlaku sesuatu kejadian bencana.

Beliau berkata, buat masa ini, pihaknya akan terus memperkemasan kualiti anggota Smart bagi memastikan mereka dapat menjadi sebuah pasukan yang mantap.

“Smart merupakan satu pasukan yang sentiasa bersiap sedia bagi melaksanakan bantuan menyelamat contohnya seperti runtuhannya bangunan dan sebagainya,” kata beliau.

Headline	ADUAN		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	50	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	358 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,590
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,770



PAPAN tanda Klinik Kesihatan Jalan Merbau, Kampung Melayu Subang yang usang dan terlindung. Walaupun klinik telah dinaik taraf namun papan tanda ini masih tidak diletakkan di hadapan klinik. Harap pihak berwajib dapat bertindak segera. - Ajis Kampung Melayu Subang



MOHON pihak bertanggungjawab menambah tong sampah di dua lokasi iaitu Empangan Batu dan Arungan di Tanjung Rimau, Melaka bagi mengelakkan longgokan sampah berterburu di tepi jalan. - Penolong Pengerusi Masjid Tanjung Rimau, Haji Zali



LONGGOKAN sampah haram di Jalan Pipit Telok Panglima Garang mencacatkan pemandangan dan menjadi kawasan anjing liar mencari makanan. Mohon pihak berwajib terutamanya Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) mengambil tindakan sewajarnya. - Penduduk Taman Bentara Jalan Pipit



HARAP pihak bertanggungjawab supaya mengambil tindakan segera dengan membaik pulih longkang di Jalan Lettenan Adnan, Seremban, Negeri Sembilan. Struktur dan kedudukan longkang itu boleh mengundang bahaya kepada pejalan kaki dan juga penunggang motosikal. - Budak Seremban

Headline	PKNS sumbang RM50,000 kepada IKN		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	19	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	789 cm ²
Journalist	ASYRAF MUHAMMAD	AdValue	RM 16,727
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,180



Mohd Azizi (tengah) dan Siti Zubaidah (kiri) menyerahkan replika cek sumbangan berjumlah RM50,000 kepada Asmayani.



Mohd Azizi (enam dari kanan) merakamkan gambar bersama Asmayani (lima dari kanan) selepas penyerahan sumbangan PKNS.

Bantu ringankan
beban pesakit kanker

ASYRAF MUHAMMAD

PUTRAJAYA

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyampaikan sumbangan bernilai RM50,000 kepada Institut Kanker Negara (IKN) bagi membantu meringankan beban kos rawatan buat golongan asnaf gharimin.

Ketuk Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd Azizi Mohd Zain berkata, pihaknya terdorong untuk menyampaikan sumbangan tersebut sebagai tanda keperhatian PKNS berikutkan statistik kematian akibat kanker yang agak tinggi di negara ini.

Selain itu, beliau merakamkan pemberian sumbangan berkenaan juga adalah sejajar dengan sambutan Hari Kanker Sedunia yang disambut pada 4 September lalu.

"Menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wang Zakat PKNS pada 3 September

tahun lalu, pihak kami telah meluluskan sumbangan berjumlah RM50,000 untuk disalurkan kepada IKN di bawah peruntukan asnaf gharimin.

"Sumbangan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) PKNS dan ia akan diuruskan oleh Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) Cawangan IKN," katanya pada majlis penyerahan sumbangan berkenaan yang berlangsung di IKN, Putrajaya.

Hadir sama, Pengarah IKN, Dr Asmayani Khalib; Timbalan Pengarah (Perubatan I) IKN, Dr Hasmawati Sahat dan Ketua Pegawai Korporat PKNS, Siti Zubaidah Abd Jabar.

Mengulas lanjut, Mohd Azizi memaklumkan, bantuan sumbangan kepada asnaf gharimin telah dilaksanakan oleh PKNS

Sumbangan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) PKNS dan ia akan diuruskan oleh Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) Cawangan IKN." - Mohd Azizi

sejak tahun 2014 iaitu sebanyak RM100,000 kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

Menurut beliau, pada tahun lalu, pihaknya juga telah memperuntukkan sejumlah RM200,000 untuk diagihkan



Mohd Azizi memberikan kata-kata semangat kepada pesakit yang menerima sumbangan berkenaan.

kepadalah lima hospital iaitu Hospital Sedang, Hospital Shah Alam, Pusat Pakar Perubatan UiTM Sungai Buloh, Hospital Kuala Kubu dan Hospital Banting.

"Secara keseluruhannya, sejak 2014 hingga tahun lalu, PKNS telah mengeluarkan sejumlah RM600,000 kepada TKPM untuk diagihkan ke hospital-hospital yang memerlukan," katanya.

Beri semangat kepada pesakit

Isu kesihatan merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian serius dalam usaha memastikan rakyat di negara ini bebas daripada pelbagai penyakit kronik khususnya kanker, kata Mohd Azizi.

Atas dasar itu, pihaknya ber-

